

15/10/2000

Ibu bapa jangan panik (HL)

Zainuddin Isa; Ridzuan Yop; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Orang ramai terutama ibu bapa yang mempunyai anak berusia di bawah lima tahun tidak harus panik, sebaliknya mematuhi segala arahan terkini kerajaan dalam usaha membanteras dan menangani wabak tangan, kaki dan mulut (HFM).

"Ibu bapa seharusnya lebih peka dengan arahan termasuk menutup semua tadika dan taman asuhan kanak-kanak (taska), demi kebaikan anak mereka.

"Kalau diarah tutup tadika, kita harus mematuhinya. Kita mesti ambil anak kita dan menjaganya, dan jangan anak kita terdedah kepada benda yang tidak baik, terutama haiwan," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), di sini, semalam.

Mengenai masalah ibu bapa bekerja ekoran arahan menutup semua taska, Perdana Menteri berkata, beliau yakin ibu bapa sayangkan anak mereka dan tidak mahu anak mereka mati dengan mudah.

Mengulas isu yang sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat tidak panik berikutan penularan wabak itu kerana keadaannya masih terkawal.

Abdullah berkata, setakat ini penyakit itu hanya membabitkan kawasan Johor Bahru, manakala di kebanyakan negeri lain sehingga ini adalah terkawal dan tidak membimbangkan.

"Sehubungan itu, taska dan tadika kerajaan di tempat lain boleh dibuka semula jika keadaan mengizinkan, melainkan di sekitar Johor Bahru, sehingga kerajaan Johor mengadakan rundingan dengan Kementerian Kesihatan.

"Walaupun ada arahan taska dan tadika kerajaan ditutup, itu adalah langkah pencegahan awal yang dilakukan oleh kerajaan dan negeri yang tidak terbabit boleh dibuka semula (selepas ini)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Umno Pulau Pinang, di Georgetown semalam.

Ketika sidang akhbar itu, Abdullah turut menerima maklumat terbaru daripada Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng melalui telefon bimbitnya berhubung wabak berkenaan di negara ini.

"Sehingga ini, keadaan adalah terkawal dan rakyat tidak perlu panik. Ini timbul reaksi (panik) rakyat yang beranggapan mungkin penyakit ini merebak ke seluruh negara, sebenarnya dari sumber maklumat yang saya peroleh daripada Kementerian Kesihatan bukanlah begitu kedudukannya," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan akan diminta mengemukakan laporan penuh mengenai keadaan semasa wabak berkenaan kepada Jemaah Menteri dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

"Saya sudah dimaklumkan oleh Chua keadaan sebenarnya. Di Johor Bahru keadaannya agak bahaya sikit kerana berdekatan dengan negara jiran Singapura tempat penyakit itu dikesan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga bersama dengan Jabatan Kesihatan negeri akan mengambil langkah untuk memastikan penyakit ini tidak merebak sehingga membahayakan masyarakat.

"Walapun begitu Kementerian Kesihatan akan juga mengambil sikap memantau seluruh negara berhubung wabak ini, jika berlaku seperti di Johor, maka tindakan segera akan tetap diambil.

"Saya percaya hospital di mana pun sentiasa berjaga-jaga memastikan keadaan di tempat masing-masing selamat dan ia adalah tindakan biasa dilakukan apabila ada penyakit yang membahayakan masyarakat," katanya.

Kelmarin, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata langkah menutup serta merta 3,000 taska dan

tadika adalah untuk memastikan tiada lagi kanak-kanak menjadi mangsa penyakit berkenaan.

Setakat ini wabak berkenaan sudah mengorbankan dua nyawa dan mangsa terbaru, kelmarin membabitkan seorang budak lelaki berusia tiga tahun meninggal dunia di Hospital Universiti di sini.

(END)